

# MENDEPANI PERUBAHAN PERMINTAAN PASARAN BURUH MALAYSIA



Persekitaran tempat kerja hari ini pesat berubah disebabkan oleh peralihan permintaan industri serta penggunaan teknologi seperti automasi, robotik dan kecerdasan buatan (AI). Kemahiran yang sangat dikehendaki sepuluh atau lima tahun lalu mungkin kurang mendapat permintaan pada hari ini dan kemahiran baru yang diperlukan sebagai kelayakan kerja sentiasa berubah mengikut masa depan pekerjaan.

Bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif dalam landskap global yang semakin mencabar, adalah sangat penting untuk memastikan ketersediaan tenaga kerja yang dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri ketika ini dan di masa hadapan. Menyedari kepentingan modal insan dalam pembangunan negara, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kemahiran Kritikal (CSC) sebagai sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dengan mandat untuk memantau ketidakseimbangan kemahiran.

*"Laporan Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) akan terus dikemaskini untuk mengenal pasti kekurangan pekerja dalam pekerjaan kritikal yang akan memberi kesan ke atas ekonomi. Kerajaan akan melaksana intervensi berdasarkan laporan COL dengan menyusun semula keutamaan bidang pengajian dan memanfaatkan diaspora Malaysia."*

- Diketik daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)

CSC dipengerusikan oleh dua agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM): Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) serta Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA).

Objektif utama CSC ialah untuk membangunkan Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) tahunan bagi menangani ketidakseimbangan kemahiran dan ketidakpadanan pekerjaan dalam pasaran buruh Malaysia.

## 10 PEKERJAAN YANG PALING DIKENDAKI DI MALAYSIA PADA 2018/2019

- Pengurus Jualan dan Pemasaran**
- Ahli Matematik, Aktuari dan Statistik**
- Pereka Grafik dan Multimedia**
- Penganalisis Kewangan**
- Mekanik dan Pendawaian Elektrik**
- Pengurus Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)**
- Jurutera Mekanikal**
- Pensyarah Profesional Universiti dan Pengajian Tinggi**
- Juruteknik Kejuruteraan Mekanikal**
- Mekanik dan Pembaik Mesin Pertanian dan Industri**

Nota: Pekerjaan yang disenaraikan di sini hanyalah sebahagian daripada 59 pekerjaan yang terkandung dalam COL 2018/2019.

## PEKERJAAN YANG MEMPUNYAI KEBARANGKALIAN TERTINGGI DAN TERENDAH UNTUK DIAUTOMASIKAN

|   |     |
|---|-----|
| <b>Kerani Kemasukan Data</b>                              | 99% |
| <b>Jurujuwal Pusat Hubungan Pelanggan</b>                 | 99% |
| <b>Setiausaha Perundangan</b>                             | 98% |
| <b>Profesional Bersekutu Perakaunan</b>                   | 98% |
| <b>Operator dan Pemasang Alatn Mesin Pertukangan Kayu</b> | 97% |
| <b>Pengurus Pendidikan</b>                                | 1%  |
| <b>Ahli Psikologi</b>                                     | 1%  |
| <b>Pengamal Perubatan Pakar</b>                           | 0%  |
| <b>Profesional Perhotelan</b>                             | 0%  |
| <b>Pakar Diet dan Pemakanan</b>                           | 0%  |

Sumber: "The Critical Occupations List 2018/2019 Technical Report", menurut metodologi Frey dan Osborne.

Nota: Kebarangkalian automasi memberikan petunjuk terhadap kemungkinan sesuatu pekerjaan diautomasikan. Skor kebarangkalian yang lebih tinggi menunjukkan kemungkinan untuk pekerjaan berkenaan diautomasikan adalah lebih tinggi.

## APAKAH SENARAI PEKERJAAN KRITIKAL (COL)?

COL ialah satu set pekerjaan yang mendapat permintaan bagi mengenal pasti ketidakseimbangan kemahiran merentasi kesemua sektor ekonomi Malaysia. Pekerjaan yang terkandung dalam COL memenuhi kriteria seperti berkemahiran, mendapat permintaan dan strategik.

Dengan memberikan gambaran penuh tentang kemahiran dan pekerjaan yang mendapat permintaan dalam pasaran buruh Malaysia, COL berupaya mengenal pasti dan menarik perhatian terhadap pekerjaan kritikal untuk kesinambungan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi tetapi sukar dipenuhi pada masa kini. COL diterbitkan setiap tahun sejak 2015, ia menyasarkan untuk bertindak sebagai platform pemantauan ketidakseimbangan kemahiran serta menyelaraskan dasar pembangunan modal insan Malaysia.

COL 2018/2019 merupakan edisi keempat senarai berkenaan dan meliputi 59 pekerjaan kritikal (termasuk pekerjaan berkemahiran tinggi, separa mahir serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Profesional atau TVET) merentasi 18 sektor ekonomi Malaysia.

## BAGAIMANA COL DIGUNAKAN?

COL dibangunkan untuk dijadikan sebagai panduan dalam proses membuat keputusan dan membantu menyasarkan sumber yang berkaitan dengan pendidikan, latihan, penghijrahan dan lain-lain bidang pembangunan modal insan di Malaysia.

Ketika ini, COL digunakan sebagai sumber rujukan oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuk pencari kerja dan pelajar yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang pekerjaan dan kemahiran yang paling dikehendaki di Malaysia, serta institusi pengajian tinggi yang ingin membangunkan kursus pengajian yang memenuhi permintaan industri.

Senarai ini turut digunakan dalam Program Kepulungan Pakar (REP) dan Residence Pass-Talent (RP-T) dibawah seliaan TalentCorp. Inisiatif berkenaan menyokong usaha Kerajaan demi kebaikan negara dengan memanfaatkan kemahiran modal insan ekspatriat asing dan diaspora Malaysia.

Penggubal dasar boleh menggunakan COL bagi menentukan hala tuju pelaburan dalam program latihan, bilangan insentif perlu ditetapkan untuk program perantisan, dan menentukan jenis kemahiran imigran yang dikehendaki untuk kemasukan.

Sementara itu, dalam konteks Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0), COL berpotensi digunakan bagi membantu Malaysia menyesuaikan dasar pembangunan tenaga kerja kita sejajar dengan kemunculan pekerjaan baharu dan permintaan terhadap kemahiran baharu.

## KEMAHIRAN UTAMA YANG DIPERLUKAN OLEH MAJIKAN DI MALAYSIA

- Bahasa Inggeris**
- Kemahiran Komunikasi**
- Kerjasama / Kolaborasi**
- Penyelesaian Masalah**
- Perkhidmatan Pelanggan**
- Celik Komputer**
- Kreativiti**
- Membina Perhubungan Berkesan**
- Kemahiran Organisasi**
- Pelbagai Tugas**

Nota: Kemahiran yang tertera di atas hanyalah sebahagian daripada senarai kemahiran utama dan berdasarkan kepada data hantaran pekerjaan dalam talian yang telah dianalisis untuk kompilasi COL 2018/2019.

**INGIN MENJADIKAN KEMAHIRAN ANDA KALIS MASA DEPAN UNTUK 2019 DAN SETERUSNYA?**

Ketahui lebih lanjut mengenai COL dan pekerjaan yang dikehendaki Malaysia: [www.talentcorp.com.my/col](http://www.talentcorp.com.my/col)